

B 0005 BAH  
MAHATHIR-UMNO

KUALA LUMPUR, 16 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI BERKATA UMNO (BARU) AKAN BERTANDING DI MANA SAHAJA PILIHAN RAYA KECIL DIADAKAN.

KATANYA, SESIAPA SAHAJA ANGGOTA PARLIMEN UMNO MELETAKKAN JAWATAN DAN PILIHAN RAYA DIADAKAN, UMNO (BARU) AKAN BERTANDING DI KAWASAN ITU.

JIKA BERLAKU PERTANDINGAN, UMNO AKAN BERADA DI SANA, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MELANCARKAN BUKU +SUNGAI KOROK WAN MAT SAMAN+ KARYA TAN SRI MOHAMED ZAHIR ISMAIL DI SINI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEMASA DITANYA SAMA ADA UMNO (BARU) BERSEDIA BERTANDING SEKIRANYA ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN JOHOR BAHRU, DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD MENGOSONGKAN KERUSINYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU MASIH BELUM MENGETAHUI JUMLAH ANGGOTA PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG DICADANGKAN OLEH UMNO (BARU) UNTUK DISINGKIR DARIPADA BARISAN NASIONAL (BN) KERANA BELUM LAGI MELIHAT SENARAI YANG DISEDIAKAN. --LAGI  
1848MST 16 06 88

D137

B 0012 BAH  
MAHATHIR-UMNO 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, KEPUTUSAN JUGA BELUM DIBUAT SAMA ADA ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN KOTA TINGGI DATUK MUSA HITAM, SUPAYA DIPECAT DARIPADA BN EKORAN KEPUTUSANNYA TIDAK MAHU MENGGANGGOTAI UMNO (BARU).

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENJELASKAN BAHAWA MESYUARAT DENGAN PARA MENTERI, MENTERI BESAR, TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN DARIPADA UMNO ESOK, HANYA MERUPAKAN MAJLIS TAKLIMAT MENGENAI ISU-ISU SEMASA.

MENGENAI SAMA ADA MESYUARAT KABINET SEMALAM MEMBINCANGKAN TINDAKAN SETIAUSAHA AGUNG KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC), V. DAVID YANG MENDESAK PENARIKAN BALIK SKIM KEMUDAHAN KHAS (GSP) KEPADA MALAYSIA, BELIAU BERKATA, PERKARA ITU ADA DIBINCANGKAN.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, KABINET TIDAK MEMBINCANGKAN MENGENAI STATUS KERAKYATAN ENCIK DAVID ATAU TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL TERHADAPNYA, TETAPI MEMPERSOALKAN MENGENAI PERLAKUANNYA YANG DISIFATKAN SEBAGAI TIDAK PATRIOTIK.

+KERAJAAN JUGA TIDAK MENGHARAPKANNYA MENJADI PATRIOT TETAPI BELIAU SEPATUTNYA MEMIKIRKAN TENTANG KEBAJIKAN PEKERJA NEGARA INI BUKAN SEMATA-MATA MEMENTINGKAN SOAL DIRINYA+, KATANYA. --LAGI  
1914MST 16 06 88

D147

B 0018 BAH  
MAHATHIR-UMNO 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN MEMANDANG BERAT TINDAKAN ENCIK DAVID SEBAGAI SEORANG RAKYAT MALAYSIA YANG SANGGUP MENDESAK PIHAK LAIN MENGGUGAT EKONOMI NEGARA.

MENGENAI LAPORAN BAHAWA VIETNAM BERSEDIA MENARIK DIRI DARIPADA KAMPUCHEA MENJELANG AKHIR BULAN INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA PERLU MEMASTIKAN SAMA ADA PERKARA ITU BENAR ATAU TIDAK.

DATUK SERI MAHATHIR BERKATA, JIKA PERKARA INI BENAR, KERAJAAN MENYAMBUT BAIK TINDAKAN VIETNAM ITU. --BERNAMA  
1933MST 16 06 88